



TARIKH	1 MEI 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	BDR TIDAK JEJAS PERKHIDMATAN AWAM		
M/S	8 (NEGARA)	KATA KUNCI	WFH
BIDANG	CIVIL SERVICE		



WAN AHMAD DAHLAN (kiri) menziarahi pesara Polis Diraja Malaysia, Md. Sull Daud dan isterinya melalui program Ziarah Pesara Uzur di Sri Lalang, Kluang semalam.

BDR tidak jejas perkhidmatan awam

KLUANG – Perkhidmatan awam tidak akan terjejas walaupun hampir 20,136 orang penjawat awam terlibat dalam pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang telah berjalan sejak seminggu lalu kerana ia dilaksanakan dengan penuh perancangan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, langkah dilaksanakan kerajaan itu telah disusun atur dengan melibatkan mereka yang boleh melaksanakan tugas di rumah sahaja, manakala kakitangan berkait kepada perkhidmatan secara terus dengan orang ramai akan terus kekal seperti biasa.

Jelasnya, semua penjawat awam pula hanya melakukan BDR pada hari Selasa hingga Khamis, manakala pada Isnin mereka perlu hadir untuk menerima penugasan sebelum hadir

semula menyerahkan tugas yang perlu diselesaikan pada Jumaat.

Katanya, berikutan daripada langkah ini, kerajaan berjaya menjimatkan penggunaan petrol dianggarkan 120,816 liter sehari dengan penjimatan subsidi sebanyak RM239,215.68

"Untuk tempoh 10 hari selepas BDR dilaksanakan, kerajaan berjaya berjimat sebanyak 979,632 liter bersamaan jumlah subsidi sebanyak RM1,925,394.90 dengan anggaran penggunaan kira-kira 6 liter bagi setiap seorang penjawat awam.

"Dari segi produktiviti tidak terjejas dan perkhidmatan kepada rakyat berjalan seperti biasa, tidak ada masalah pun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Ziarah Pesara Uzur kepada empat orang pesara penjawat awam di Kluang semalam.

Mengulas lanjut program ziarah, Wan Ahmad Dahlan berkata, program seperti ini dilaksanakan sepanjang tahun dan menjadi satu kelaziman dengan tujuan untuk bertanya khabar selain menyelami masalah dihadapi seperti kesihatan mahu pun masalah kewangan.

Ujarnya, program ini juga mencerminkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan pesara-pesara kerajaan serta mengiktiraf jasa mereka yang pada suatu ketika dahulu pernah menyumbang untuk pembangunan negara dan juga untuk keselamatan rakyat.

"Tujuan kami tidak lain dan tidak bukan untuk bertanya khabar dan sekurang-kurangnya kedatangan dalam program ziarah ini sedikit meringankan beban yang ditanggung oleh pesara-pesara kita," katanya.